

MUZAKARAH PAKAR

BENTUK-BENTUK SIHIR PENGASIH DAN METODOLOGI DIAGNOSIS

Tempat : Dewan Undangan Negeri Selangor
Tarikh : 16 Disember 2009/29 Zulhijjah 1430
Pembentang : 1) Dato' Dr Harun Din
2) Ustaz Hj Hanafi Abd Rahman

ANJURAN :



JABATAN MUFTI SELANGOR

KERJASAMA:



PROFESSIONAL ISLAMIC
SUPPORT AND NURTURE GROUP

**SIHIR:
KESANNYA
KEPADA 'AQIDAH
DAN BAGAIMANA
MENGATASINYA**

Oleh:
هارون دين
بندر بارو باعي

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على رسوله الأمين

المبعوث رحمة للعالمين وعلى آله وصحبه أجمعين

Muqaddimah

Sihir bukan perkara baru dalam alam manusia. Ia telah lama wujud dan diamalkan sejak dahulu kala. Asal usul sihir adalah daripada syaitan. Merekalah yang mempelopori ilmu tersebut dan diajarkan kepada manusia bukan untuk kebaikan malah untuk kejahatan kerana syaitan itu adalah musuh utama manusia. Mana mungkin musuh akan mengajar atau memberi kebaikan kepada musuhnya.

Sejauh yang dapat dikesan daripada sejarah manusia, ilmu sihir dikatakan telah muncul sejak dari zaman Nabi Idris a.s dan dikatakan telah berkembang dalam kalangan Bani Israil di Babylon (Iraq) dalam tahun 586 sebelum masihi, yang dikaitkan dengan kisah Harut dan Marut yang mengajar ilmu sihir itu kepada manusia.

Pada zaman Nabi Musa a.s, ilmu sihir menjadi ilmu yang amat digemari oleh masyarakat manusia pada ketika itu. Banyak terdapat ahli-ahli sihir atau tukang-tukang sihir yang menjalankan profesyen sihir itu dengan bebas dan digeruni oleh masyarakat.

Apabila Nabi Musa a.s berdakwah kepada Firaun dan Bani Israil umumnya, dan mengajak mereka kepada agama Tauhid, Allah membekalkan kepada Musa a.s mukjizat tongkat yang boleh bertukar menjadi ular dan tangannya boleh mengeluarkan cahaya. Firaun dan Bani Israil menolak kejadian tersebut sebagai mukjizat, malah mereka mengatakan bahawa itu adalah perbuatan sihir.

Firaun dengan mudah mengumpulkan ramai ahli-ahli sihir yang masing-masing berkeupayaan melakukan kerja sihir. Akan tetapi dengan pertolongan Allah, Nabi Musa a.s dengan mudah dapat mengalahkan semua ahli sihir tersebut sehingga mereka mengakui Nabi Musa sebagai nabi dan mereka beriman dengannya.

Sihir ada dalam mana-mana masyarakat, baik masyarakat maju seperti yang wujud sekarang ini mahupun masyarakat mundur. Ahli-ahli sihir mengambil kesempatan berlandaskan profesyen mereka di mana-mana sahaja dengan taktik dan strategi yang boleh menawan mangsa, untuk faedah keduniaan semata-mata, tanpa mempedulikan nilai-nilai murni kehidupan.

Ahli-ahli sihir ini biasanya melakukan apa sahaja yang diminta oleh pelanggannya bagi memuaskan hatinya, asal saja permintaan dirinya tertunai oleh pelanggan iaitu bayaran yang lumayan.

Kerana itu berlakulah perbuatan sihir yang mengakibatkan mangsa tersebut jatuh sakit dengan tiba-tiba tanpa sebab yang jelas, bermusuh-musuhan, bercerai-berai, gila, runsing yang kronik, malah sehingga membawa maut yang berpunca daripada sihir.

Oleh sebab sihir itu wujud dan berlaku di alam nyata, ia bukan lagi khayalan. Kemudaratanya itu amat ketara dan boleh berlaku ke atas orang biasa di peringkat bawahan dalam hirarki masyarakat manusia, malah boleh berlaku hatta ke peringkat paling atas dan ke atas siapa sahaja yang ditunjukkan oleh pengamal-pengamal sihir tersebut.

Rasulullah s.a.w sendiri pernah disihir oleh ahli sihir pada zamannya seperti yang sabit dalam sebuah hadith sahih, menunjukkan seriusnya fenomena sihir itu yang mesti ditangani oleh pihak berwajib. Tindakan yang berkesan dan sesuai dengan peredaran zaman haruslah diambil.

Selama ini, tidak ada peruntukan dalam mana-mana enakmen kita yang boleh diambil tindakan undang-undang ke atas orang yang melakukan sihir jika disabitkan. Oleh sebab itu, sihir ini berleluasa pada zaman kita ini dan mangsa semakin ramai maka itulah perlu difikirkan tindakan yang berkesan bagi mengatasi gejala sihir ini dari terus merebak demi menyelamatkan manusia daripada perbuatan jahat manusia melakukan sihir.

APA ITU SIHIR?

Oleh kerana sihir itu wujud dalam alam manusia dan telah merentasi zaman, maka ulama Islam khususnya telah memberi takrifan kepada sihir itu mengikut pandangan dan pemahaman masing-masing. Antara mereka ialah :

Ibnu Khaldun

“Ilmu sihir adalah ilmu untuk menghasilkan kesan negatif ke atas mangsa dengan menggunakan anasir-anasir jahat dari kekuatan kuasa ghaib (makhluq halus) atau sebagainya, bagi suatu tujuan jahat secara tersembunyi”¹.

¹ Ibnu Khaldun . *Al-Muqaddimah*: halaman 496

Muhammad Isa Al-Maghribi

“ mengenakan kemudharatan ke atas mangsa menerusi amalan tertentu secara berasusiasi dengan kekuatan jahat makhluk halus”².

Ad-Duktur Abdullah bin Mohd At-Toyyar:

“Azimat-azimat dan jampi mentera sihir yang dilakukan oleh pengamalinya yang memberi kesan negatif kepada hati (emosi) seseorang atau menyakitinya atau membunuhnya.”³

Wahid Abdussalam Bali

“Sihir adalah persemuafakan dan persetujuan antara ahli sihir dan syaitan untuk bersama-sama melakukan sesuatu yang diharamkan oleh Allah bagi mengenakan kemudharatan ke atas mangsa menerusi amalan-amalan syirik kepada Allah dan menunaikan apa sahaja permintaan mangsa ke atas ahli sihir itu.”⁴

Ibnu Qudaamah Al-Maqdisi :

“Sihir itu adalah jampi mantera, simpulan-simpulan benang sihir atau amalan-amalan tertentu dilakukan secara sihir untuk memudaratkan emosi mangsa (Qalbu) atau akalunya (Aqluhu) atau apa sahaja kemudharatan (sakit ganjil) sehingga kadang-kadang boleh membunuhnya”⁵.

Sebenarnya terdapat banyak lagi ulama yang sering membicarakan perihal sihir dan memberi takrifan masing-masing antara mereka termasuklah Fakharuddin Ar-Razi, Al-Farabi, Al-Kindi, Al-Ghazali, Ibnu Sina, Ibnu Rushd, Ibnu Kathir, Ibnul Qayyim dan lain-lain. Keseluruhannya memberi erti yang tidak jauh berbeza yang boleh disimpulkan daripada kata-kata mereka bahawa sihir itu adalah:

Suatu ilmu yang dipelajari dari guru yang mahir dengan ilmu sihir itu menerusi amalan kebatinan yang berlawanan dengan akidah Islam, malah merosakkannya dengan menggunakan jampi mantera yang diajar oleh makhluk halus pada kebiasaannya, bagi tujuan menghasilkan suatu perkara jahat yang hendak dilakukannya terhadap seseorang seperti hendak menyakitinya dengan penyakit-penyakit hati (rosak emosinya) atau fikirannya (penyakit-penyakit mendatang) tanpa dapat dikesan punca sebenarnya,

² Muhd Isa Al-Maghribi. *Al Syifa Bil Quran* halaman 59

³ Ad-Duktur Abdullah bin Mohd Attoyyar. *Fathul Hakkul Mubin* : halaman 171

⁴ Wahid Abdus Salam Bali. *As-Sorim Al-Battar*: Halaman 17

⁵ Ibnu Qudaamah. *Al-Mughni*: Juzuk 10 Halaman 104

menyebabkan mangsa tersebut menderita dalam berbagai-bagai bentuk, seperti hilang konsentrasi kepada kerjanya, membenci kepada pasangannya hingga bercerai-berai, mengasihi seseorang yang melampau sehingga sanggup melakukan apa sahaja asalkan hajatnya tercapai.

Daripada semua takrifan tadi, dan daripada penelitian saya terhadap takrifan-takrifan lain yang tidak perlu disebut di sini, dan daripada pengalaman mendepani penyakit-penyakit manusia yang berkemungkinan berpunca dari sihir selama ini, dapatlah dikenali sihir itu daripada gejala-gejala atau elemen-elemen berikut:

1. Sihir adalah ilmu.⁶
2. Yang memperkenalkan ilmu itu kepada manusia adalah syaitan.⁷
3. Mengundang kemudaratannya sama ada ke atas yang melakukannya atau kepada mangsanya .
4. Kemudaratannya yang paling hebat dan dilaknat adalah kekufuran dan kesyirikan kepada Allah.
5. Sihir boleh menghasilkan tujuan jahat seperti menyakiti jasmani mangsa. ⁸
6. Merelakan diri Insan menjadi hamba kepada syaitan dengan mematuhi apa sahaja suruhannya kerana mengharapkan balasan dari syaitan itu yang menghasilkan kepadanya ilmu sihir.⁹
7. Dengan mengamalkan amalan dan latihan kebatinan tertentu bagi menghasilkan hal-hal yang menarik adat menerusi pemujaan yang melampaui kebiasaan terhadap objek-objek tertentu seperti keris-keris lama, besi kuning, buluh kuning tumpat, dan lain-lain.
8. Menggunakan peralatan-peralatan sihir yang pada kebiasaannya digunakan tengkorak manusia, tangkal-tangkal¹⁰ yang pelbagai , kain berbagai-bagai warna, merasap kemenyan pada malam-malam tertentu, menghafal dan melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan syarak.

⁶ Ilmu sihir disebut dalam Al-Quran sebagai ilmu yang mendatangkan kemudaratannya, bukan kemanfaatannya. Ilmu yang semata-mata keduniaan dan langsung tidak memberi kebaikan di akhirat . Ilmu yang diajar oleh syaitan kepada manusia

⁷ Al Quran : Surah Al Baqarah, ayat 102

⁸ Berdasarkan riwayat daripada Shamar keatas : orang arab menamakan sihir itu sihir kerana dengan sihir tersebut, orang yang terkena sihir akan menukarkan kesihatannya kepada kesakitan.

⁹ Syaitan akan menyuruh muridnya (manusia) melakukan perkara-perkara keji terlebih dahulu sebelum diajarkan ilmu sihir, antaranya menyuruh berzina dan membunuh mangsanya, menyembah selain dari Allah, memakan atau meminum sesuatu yang amat dilarang oleh Allah, menyetubuhi emaknya atau anaknya, atau adiknya, atau membuat nasi kangkang atau nasi tangas dan sebagainya.

Rujukan : علاج السحر oleh Nabil bin Mohd Mahmud

¹⁰ Al Quran : Surah Al Falaq, ayat 4 ; menyebut tentang tukang sihir yang menggunakan tangkal.

APAKAH SIHIR BENAR-BENAR WUJUD ?

Sihir adalah suatu ilmu yang tersembunyi, suatu seni yang memerlukan kemahiran khususnya menerusi suatu konsentrasi amalan kebatinan secara berasosiasi dengan makhluk halus, untuk mendapat kekuatan kebatinan yang membolehkan pengamalinya menghasilkan perkara-perkara luar biasa, menarik adat, memukau, dan mematuhi apa sahaja kehendaknya dengan terpaksa.

Ilmu ini menghasilkan perkara-perkara yang luar biasa, sepertimana ilmu silap mata pun menghasilkan perkara-perkara luar biasa. Maka timbul anggapan dan pandangan yang mengatakan bahawa sihir itu sebenarnya tidak wujud. Yang berlaku hanyalah khayalan-khayalan dan tipu helah sebagaimana silap mata. Sihir itu sebenarnya tidak wujud; kata mereka.¹¹ Sememangnya masyarakat dunia sedia maklum dan didedahkan oleh media dengan manusia yang berkebolehan melakukan perkara-perkara yang luar biasa. Ada kebolehan luar biasa yang dihasilkan melalui latihan seperti ada orang boleh menarik kereta, lori, dan kapal terbang dengan menggunakan kekuatan fizikalnya, malah ada yang menggunakan rambutnya atau giginya untuk menarik objek-objek tadi.

Selain kebolehan berbentuk fizikal, banyak lagi perbuatan-perbuatan silap mata yang dilakukan oleh ramai manusia terutama yang dipertontonkan melalui kaca televisyen . Itu semua memang berlaku dan ianya adalah kemahiran khusus yang nyata berdasarkan kepada tipu helah pelakunya, bahkan kebanyakan rahsia silap mata sudah diketahui umum.

Adapun sihir, walaupun kadang-kadang ada persamaan dengan silap mata, akan tetapi ianya suatu realiti, suatu hakikat yang benar-benar berlaku menerusi suatu amalan yang ada asal usulnya, ada sistemnya dan ada kaedahnya.¹² Sihir benar-benar wujud dalam alam nyata.¹³

¹¹ Antara yang menafikan wujudnya sihir adalah Muktazilah dan Qodariah. Lihat مختصر تفسير ابن كثير 99/ والفروق: القرافي 150/4

¹² Abdullah Muhamad At Tayyar . *Fathul Haq Al Mubiin* :, m.s 170.

¹³ Tafsir Ibnu Kathir 99/1

SIHIR DALAM AL-QURAN

Sihir sabit sebagai suatu hakikat seperti yang dinyatakan oleh Al-Quran dan As-Sunnah dan Ijmak Sahabat. Al-Quran menyatakan antara lainnya yang bermaksud:

1. Akan tetapi syaitan-syaitan itulah yang kufur, mereka mengajar kepada manusia ilmu sihir (Al-Baqarah : 102)
2. Dan campakkanlah apa yang berada di tangan kanan mu (wahai Musa) nescaya ia menelan segala apa yang mereka (ahli-ahli sihir Firaun) lakukan kerana sesungguhnya apa yang mereka lakukan itu adalah perlakuan tipu daya ahli sihir. (Taa Ha: 69)
3. Pakar-pakar sihir Firaun mengaku kalah dengan Musa seraya tunduk sujud kepada Musa tanda menyerah diri sambil berkata ‘ Kami beriman dengan tuhan Harun dan Musa’. (Taa Ha: 70)
4. (Saya memohon perlindungan) daripada kejahatan tukang sihir (wanita) yang (mengamalkan sihir) menghembus-hembus pada simpulan-simpulan ikatan pada benang atau tali atau sebagainya. (Al Falak: 4)
5. Mereka itu (tukang sihir Firaun) mendatangkan sihir yang cukup hebat. (Al-A’Raaf: 116)

Keseluruhan Al-Quran didapati tidak kurang dari 26 surah dengan 57 ayat yang membicarakan perihal sihir dengan berbagai-bagai penjelasan, membuktikan sihir itu wujud di alam nyata, bukan hanya khayalan atau tipu helah semata-mata.

SIHIR DALAM AS-SUNNAH

Aisyah Ummul Mukminin r.a meriwayatkan hadith dengan katanya yang bermaksud:

Rasulullah s.a.w disihirkan sehingga menjadikan Rasulullah s.a.w seolah-olah ‘kebingungan’; melakukan sesuatu akan tetapi seperti belum melakukannya. Baginda pun berdoa dan berdoa kepada Allah. Setelah itu Baginda bertanya kepada ku: “Apakah kamu (Aisyah) merasai bahawa Allah telah menguji daku dengan sesuatu”. Ketika Rasulullah tertidur dua lelaki (malaikat) mendatangnya, seorang di sisi kepalanya dan seorang lagi di kakinya. Seorang bertanya kepada seorang lagi “Apa yang terkena kepada Muhammad ini?” Dijawab “dia disihir”. “Siapa yang melakukannya?” “*Labeed Al-Aksam*” .“Dilakukan dengan apa?” “Dengan perantaraan sikat rambut dan rambut

yang terlekat pada sikat itu (dengan jampi mantera sihir)". "Diletakkan di mana?" "Di dalam perigi *Zarwan*" . Rasulullah pergi melihat sendiri perigi tersebut dan pulang kerumahnya.

Riwayat Al Bukhari dan Muslim.

Dalam suatu riwayat lain disebut

Rasulullah s.a.w mendatangi perigi tersebut dengan beberapa orang sahabat dan menyuruh sahabat-sahabat turun ke dalam perigi itu dan mencari bahan sihir (sikat) itu dan dikeluarkan serta dimusnahkan.¹⁴

Atas sebab perkara itu, sahabat-sahabat Rasulullah berijmak mengatakan sihir wujud dan berlaku di alam nyata. Ulama terkenal seperti Al-Imam Al-Qaraafi , Al-Imam As-Syafie, Al-Imam Ahmad Bin Hanbal, Al-Imam An-Nawawi, dan lain-lain memperakui bahawa sihir itu wujud secara hakiki¹⁵ kerana jelas kemudaratannya berlaku secara wakiee dengan pengakuan Al Quran¹⁶ dan juga As Sunnah.

Rasulullah s.a.w bersabda:

عن عامر ابن سعد بن أبي وقاص قال: سمعت سعدا يقول : سمعت رسول الله (ص) يقول : من
تصبح سبع ثمرات عجوة لم يضره ذلك اليوم سم ولا سحر

Daripada Amir bin Saad bin Abi Waqas, katanya: Saya mendengar Saad berkata : Saya mendengar Rasul Allah s.a.w. bersabda “ sesiapa yang memakan di waktu pagi tujuh biji kurma tamar Ajwah, nescaya tidak akan dia dimudaratkan pada hari itu (keracunan atau kesihiran).¹⁷

¹⁴ Fathul Baari- Kitab Al-Tib, Bab 232/10 (apakah bahan sihir perlu dikeluarkan untuk dimusnahkan).

¹⁵ Al-Duktur Muhammad At-Toyyar . *Fathul Hakkul Mubin*: m.s177. Dan Al-Qorofi . *Al Furouk*: 150/4.

¹⁶ Al-Baqarah : 102

¹⁷ Sahih Al Bukhari Maa Fathul Bari. Bab Ad-Dawa bil Ajwah Lisih. 238/10

KESAN SIHIR TERHADAP AQIDAH

Seperti yang dijelaskan sebelum ini, sihir adalah ilmu. Bila ianya adalah ilmu, maka sepatutnya bolehkah atau haruskah ia dipelajari. Ilmu yang disuruh oleh agama kita supaya mempelajarinya ialah ilmu yang berguna dan berfaedah. Adapun sihir, Al Quran menyebutnya secara khusus tentang kemudaratanya dengan firman Allah:

وَيَتَعَلَّمُونَ مَا يَضُرُّهُمْ وَلَا يَنْفَعُهُمْ

Yang bermaksud; dan mereka mempelajari (ilmu sihir itu) barang yang mendatangkan kemudaratannya dan tidak memberi guna (manfaat) kepada mereka.¹⁸

Dalam kitab Mukhtasar Tafsir Ibnu Kathir ketika membuat tafsiran ayat tadi menyebut:

أَيُّ يَضُرُّهُمْ فِي دِينِهِمْ وَ لَيْسَ لَهُ نَفْعٌ يُوَازِي ضَرَرَهُ

yakni ilmu itu (sihir) memudaratkan mereka khususnya pada agama mereka (Islam) dan tidak ada kemanfaatan yang boleh mengimbangi kemudaratanya.

Dalam sebuah hadith Rasulullah s.a.w menyebut bahawa sihir itu adalah salah satu dari tujuh perkara yang membinasakan pelakunya. Paling utama ialah syirik kepada Allah, yang kedua adalah sihir, dan yang ketiga adalah membunuh¹⁹.

Jelas dan nyata bahawa sihir itu adalah dilarang, malah ia disebut pada kedudukan kedua selepas syirik, dan disebut lebih dahulu daripada membunuh seolah-olah membunuh manusia tidaklah seteruk mensihirkannya. Oleh sebab itu, hukum sihir adalah haram berdasarkan kepada keterangan-keterangan yang tersebut tadi dan dalil-dalil lain seperti berikut:

وَاتَّبِعُوا مَا تَتْلُوا الشَّيْطَانِ عَلَىٰ مَلِكِ سُلَيْمَانَ وَمَا كَفَرَ سُلَيْمَانُ وَلَٰكِنَّ الشَّيْطَانَ كَفُرُوا يُعَلِّمُونَ

النَّاسَ السِّحْرَ

(Al-Baqarah: 102)

Yang bermaksud: Dan (Nabi) Sulaiman tidaklah kufur akan tetapi syaitan (yang mengamalkan sihir) lah yang kufur kerana merekalah yang mengajar kepada manusia ilmu sihir.

¹⁸ Al-Baqarah : 102

¹⁹ Ibnu Kathir. *Mukhtasar Tafsir*: 1/98

Al Hafiz Ibnu Hajar dalam Fathul Bari mengambil ayat ini sebagai dalil pengharaman sihir kerana Allah mengkufurkan syaitan kerana ajaran sihirnya itu. Oleh itu mempelajarinya adalah merosakkan aqidah.²⁰

Al-Imam An-Nawawi menyebut “pekerjaan sihir adalah pekerjaan merosakkan aqidah dengan ijmak²¹ Ibnu Qudhamah di dalam Al-Mughni berkata : “mempelajari sihir, mengajarnya, dan mengamalkannya adalah haram dan kami tidak mengetahui ada khilaf ulama-ulama muktabar dalam hal kerosakan aqidah”.²²

Oleh itu jelaslah bahawa pengamal sihir itu kufur. Jika pengamal itu muslim, rosaklah aqidahnya. Apabila rosak aqidah, lebih-lebih lagi yang disengajakan, maka samalah ia dengan murtad.

HUKUMAN KEATAS PENGAMAL SIHIR

Aqidah Islam adalah berteraskan kepada kepercayaan bahawa kekuasaan mutlak hanya ada kepada Allah suhanahuwata'alla. Allah sahaja yang berkuasa. Selain daripadanya tidak memiliki apa-apa kudrat melainkan dengan izinnya jua.

Firman Allah

وَمَا تَشَاءُونَ إِلَّا أَنْ يَشَاءَ اللَّهُ رَبُّ الْعَالَمِينَ ﴿٢١﴾

(Surah At-Takwiir: 29)

Yang bermaksud, “dan kamu tidak boleh melakukan sesuatu kehendak melainkan dikehendaki (diizinkan) oleh Allah tuhan semesta alam.”

وَاللَّهُ خَلَقَكُمْ وَمَا تَعْمَلُونَ ﴿٩٦﴾

(As Saaffaat : 96)

Yang bermaksud “dan Allahlah yang mencipta kamu dan apa yang kamu lakukan.”

Perbuatan sihir seolah-olah mencabar Allah. Manusia mempamerkan seolah-olah mereka berkuasa memberi kemudahan dan kemanfaatan dengan kuasa yang ada

²⁰ Fathul Bari 393/5

²¹ Fathul Bari 224/10

²² Ibnu Qudhamah. *AlMughni*: 8/151

pada mereka. Dengan perbuatan itu ramai manusia akan keliru tentang betulkah Allah sahaja yang berkuasa. Sedangkan dalam amalan sihir, ada ahli sihir yang boleh membunuh manusia dengan memotong dan kemudian menghidupkannya kembali, boleh menyakiti manusia dan menyembuhkannya semula, boleh menghilangkan sesuatu dan boleh menjumpainya semula. Oleh sebab itu maka sihir itu haram dalam syariat Islam kerana kesannya yang ketara ke atas keimanan manusia kepada Allah. Lebih-lebih lagi sihir itu diajarkan oleh musuh Allah (syaitan) kepada manusia.

Oleh sebab kafirnya pengamal sihir maka terdapat hadith yang menyuruh dibunuh pelakunya antaranya:

قال (ص) :

حد السحر ضربة بالسيف

رواه الترمذی

Riwayat At-Tirmizi

Maksudnya: Hukuman ke atas ahli sihir adalah bunuh dengan pedang.

Al-Imam As-Syafi'e dan Al-Imam Muhammad bin Hanbal meriwayatkan kisah dari 'Amru bin Dinar bahawa **بجاله بن عبده** melaksanakan perintah dan membunuh tiga orang ahli sihir.²³

Dan sah riwayat daripada Hafsah Ummul Mu'minin bahawa ada seorang jariah (pembantu rumah) melakukan sihir ke atasnya dan didapati sabit maka dihukum bunuh ke atasnya.

Rasulullah s.a.w bersabda:

من أتى كاهنا أو ساحرا فصدقته بما يقول فقد كفر بما أنزل على محمد (ص)

رواه البيهقي بسند صحيح

Yang bermaksud: Sesiapa yang mendatangi tukang tenung atau ahli sihir lalu membenarkan kata-katanya maka sesungguhnya telah menjadi kafir ia dengan apa yang diturunkan (wahyu) kepada Muhammad s.a.w.

Diriwayatkan kisah yang berlaku pada zaman Al-Walid bin 'Uqbah (wafat tahun 61 hijriyyah); ada ahli sihir yang mempamerkan sihirnya di hadapan Al-Walid dengan disaksikan oleh orang ramai dengan memanggal kepala seorang lelaki yang bersamanya, kemudian dihidupkannya semula. Orang ramai menyebut: dia boleh menghidupkan semula orang yang sudah mati. Peristiwa itu disaksikan oleh seseorang dari kalangan Muhajirin. Pada keesokannya permainan sihir yang serupa diulangi lagi.

²³ Riwayat Al-Bukhari seperti yang disebut dalam Tafsir Mukhtasar Ibnu Kathir: Juzuk 1, m.s 99

Lelaki Muhajirin tadi menghunus pedangnya lalu membunuh tukang sihir di hadapan orang ramai termasuk Al-Walid seraya berkata: “kalaulah tukang sihir ini benar-benar boleh menghidupkan orang mati seperti semalam, maka hidupkanlah dirinya sendiri. Akan tetapi dia (tukang sihir) mati dan tidak berdaya menghidupkannya kembali”²⁴.

Umar Al-Khattab r.a sebagai khalifah yang mengetahui tentang beratnya dosa sihir, dan buruknya kesan sihir kepada diri pelakunya dan masyarakat, beliau telah menulis surat kepada penguasa-penguasa dari kakitangan kerajaan pada zamannya, kira-kira dua bulan sebelum kewafatannya dengan mengarah:

“Jika sabit, bunuhlah ahli-ahli sihir lelaki atau perempuan”.

Hadith Sahih riwayat Abu Daud.

Ibnu Qudhamah berkata yang bermaksud:

“Ahli sihir yang melakukan kerja sihir dan melakukan perkara-perkara mencarik adat seperti menghilang diri atau terbang di udara dan sebagainya itu adalah kufur dan dibunuh”²⁵.

BAGAIMANA SIHIR ITU DIPEROLEHI

Menurut beberapa kajian yang dilakukan sama ada di dalam atau di luar negara, keseluruhannya menemui wujudnya kaedah pembelajaran sihir dengan terlebih dahulu dikenakan syarat yang amat ketara merosakkan ‘aqidah Islamiyyah, antaranya:²⁶

1. Menggunakan Quran kecil yang disengaja diletakkan di tumit kasut untuk dipakai selama tujuh hari.
2. Menulis ayat-ayat tertentu daripada Al-Quran dengan darah haid untuk dijadikan tangkal azimat.
3. Membawa Al-Quran ke dalam tandas dan membacanya ketika membuang air besar atau kecil.
4. Memijak Al-Quran dengan menjunjung azimat yang diperbuat daripada rajah-rajah dan angka-angka tertentu.
5. Berzikir dengan perkataan-perkataan yang tidak diketahui bahasanya dan tidak diketahui maknanya (berkemungkinan memuja nama-nama syaitan).

²⁴ Kisah ini terdapat dalam *Tafsir Mukhtasor Ibnu Kathir* 1/99

²⁵ Ibnu Qudhamah. *Al-Muknik* : 3/523

²⁶ Amran Kasimin. *Sihir Suatu Amalan Kebatinan*. halaman 49.

6. Menyembelih kambing atau ayam atau merpati hitam dengan menyebut perkataan-perkataan tertentu dan dilarang menyebut nama Allah.
7. Membunuh orang Islam untuk diambil darahnya dan dipuja bagi tujuan menjamu makhluk halus.

Setelah dipenuhi beberapa syarat seperti yang telah disebutkan di atas, maka barulah diajarkan jampi mantera yang tidak diketahui maksudnya. Antaranya:

"بِسْمِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ اَللّٰهُمَّ اِنِّیْ اَسْأَلُکَ بِاَسْمَائِکَ السَّمِیَّةِ الَّحَدِیْثَةِ الَّتِیْ لَیْسَ یَعْرِفُهَا سِوَاکَ
وَلَیْسَ یَعْرِفُهَا سِوَاکَ"

Bacaan sedemikian tidak diketahui bahasa apa dan apa maksudnya. Akan tetapi itulah amalan mereka yang dengannya mereka memperoleh ilmu sihir.²⁷

Saya tegaskan; **Jangan diamal bacaan itu. Ianya disebut semata-mata hendak menjelaskan kebatilannya. Ianya menyalahi syarak.**

Dengan mengamalkan bacaan di atas, makhluk halus akan menjelma untuk menolong atau memperkenankan apa sahaja hajat orang yang membacanya. Makhluk halus ini akan mengajar manusia yang mengamalkan bacaan tersebut dengan kaedah-kaedah sihir untuk diamalkan.

Antara yang akan disuruh oleh syaitan (guru sihir) tersebut adalah kerja-kerja yang zahirnya kelihatan baik, seperti menyuruh orang tersebut bangun solat tahajud, berpuasa sunat, bersedekah kepada fakir miskin, dan sebagainya.

Apabila seseorang itu melakukan kerja-kerja yang dianggap baik itu tadi atas suruhan syaitan, kerana syaitan, demi ilmu sihir, maka jadilah amalan-amalan tersebut bukan dikerjakan kerana Allah, akan tetapi dikerjakan kerana syaitan. Ibadah yang dilakukan tersebut adalah bukan kerana Allah. Maka syiriklah ia.

Selepas itu akan disuruhnya pula melakukan solat tanpa wudhu', berpuasa pada siang hari akan tetapi mesti bersetubuh secara zina (bukan dengan isteri).

Selain itu, amalan lain ialah melihat dan merenung dengan penuh khusyuk kepada bulan pertama yang sedang mengambang dengan menangkap kedua-dua tangan dan meletakkannya di hadapan muka seolah-olah menyembah bulan dengan menarik

²⁷ Bacaan ini telah diberitahu kepada saya oleh seorang bomoh kampung yang juga seorang pengamal sihir yang telah bertaubat nasuha dan menceritakan kepada saya tentang rahsia-rahsia sihir yang dipelajarinya seperti yang akan dijelaskan.

dan melepaskan nafas seraya berzikir dan menyebut dengan suara hatinya. Zikir-zikir tersebut berbunyi seperti:

هو ها هي
هي هو ها
ها هي هو

Perbuatan ini diulangi sehingga ada makhluk halus mendampinginya dan dia akan meminta tolong daripada makhluk halus tersebut untuk membuat perbuatan sihir.

BAGAIMANA MENGATASINYA

Sihir adalah dosa besar yang membinasakan pelakunya. Sihir melakukan kekejaman ke atas mangsa tanpa belas kasihan. Ianya adalah maksiat terhadap Allah yang wajib dicegahi. Mengikut kaedah pencegahan yang disebut dalam hadith adalah:

Pertama: Dengan tangan maksudnya dengan segala kuasa yang ada pada seseorang atau pertubuhan atau kerajaan.

Kedua: Dengan mulut maksudnya dengan nasihat yang berkesan melalui ceramah, pengajaran, tunjuk ajar, nasihat, khutbah Jumaat, penulisan, penerbitan dan sebagainya.

Ketiga: Dengan hati. Itu adalah selemah-lemah iman.

Ketiga-tiga kaedah tersebut adalah kaedah mengatasi sesuatu maksiat yang diajar oleh Rasulullah s.a.w., tetaplah ianya relevan selama-lamanya. Akan tetapi kita tidak bersungguh-sungguh mempergunakannya.

Masyarakat Islam Malaysia tidak begitu terdedah kepada perihal hukum hakam sihir. Rata-rata mengambil ringan dengan menganggap bahawa menemui ahli sihir tidak ubah seperti menemui seorang doktor, tabib atau bomoh (tok pawang) dengan tujuan hendak berikhtiar mencari kesembuhan. Mereka berkata bahawa berikhtiar tidak dilarang di dalam Islam. Jikalau Allah mengizinkan ianya berhasil maka berhasillah. Jikalau tidak maka apa boleh buat.

Terlalu ramai umat Islam yang tidak mengetahui hukum pergi meminta ikhtiar daripada tukang sihir. Kerana biasanya ahli-ahli sihir jarang dikenali sebagai “ahli

sihir” dan tidak ada yang mengaku dirinya ahli sihir. Mereka hanya dikenali sebagai tukang ubat, bomoh, dukun, atau pawang.

Pengubat atas nama apapun, jika benar-benar mengubati dan mengikhtiarkan kesembuhan dengan memohon kepada Allah dan tidak melakukan perkara yang bertentangan dengan hukum Allah adalah diharuskan berbuat demikian.

Rasulullah s.a.w. menyebut panduan berguna untuk diterima pakai Kalau berikhtiar menyembuh penyakit dengan memakan ubat, maka ubatan itu hendaklah sesuatu yang tidak dilarang oleh Allah dan Rasulnya. Kalau berikhtiar dengan bacaan-bacaan tertentu seperti doa atau jampi maka hendaklah dalam bacaan atau ruqyah yang memenuhi tiga syarat seperti yang di sepakati oleh ulama muktabar iaitu:

1. Dengan menggunakan ayat-ayat Al Quran, Hadith atau doa-doa yang muktabar yang difahami maknanya.
2. Boleh memohon dari Allah dengan bahasa apapun dengan syarat maknanya difahami dengan jelas tanpa ada syirik padanya.
3. Hendaklah berkeyakinan penuh bahawa manusia hanya berikhtiar. Yang menyembuhkan atau mengkabulkan permintaan hanyalah semata-mata Allah Taala sahaja.

Untuk mengatasi masalah-masalah yang timbul dalam masyarakat, perlulah diperjelaskan dengan segala cara yang boleh bagi menjelaskannya.

Amalan tilik-menilik, ramal-meramal, tuduh-menuduh kepada sesiapa yang menyebabkan penyakit, memberitahu perkara-perkara ghaib dan sebagainya adalah perkara-perkara dosa besar yang amat dilarang dalam Islam. Sabda Rasulullah s.a.w. :

من أتى عرافا فسأله عن شيء لم تقبل له صلاة أربعين يوماً

رواه مسلم رقم 2230

Yang bermaksud sesiapa mendatangi عرافا (Arrafan) lalu ia bertanya sesuatu kepadanya maka tidak diterima solatnya selama empat puluh hari.

عراف (Arraf) menurut Al-Imam Al-Baghawi ialah mereka yang berlagak mengetahui perkara-perkara ghaib dan memberitahu pengunjungnya tentang apa yang mereka tanyakan kepadanya, seperti mereka bertanya kepadanya perihal kehilangan

barang atau orang. Maka diberitahu perkara itu seolah-olah ia benar-benar mengetahui hal tersebut padahal ianya adalah perkara ghaib.

Perkara ghaib ini, Allah taala berfirman:

عَلِمُ الْغَيْبِ فَلَا يُظْهِرُ عَلَىٰ غَيْبِهِ أَحَدًا ﴿١٧﴾ إِلَّا مَن أَرْتَضَىٰ مِن رَّسُولٍ فَإِنَّهُ يَسْلُكُ مِن

بَيْنَ يَدَيْهِ وَمِن خَلْفِهِ رَصَدًا ﴿١٨﴾

Surah Al-Jinn :27

Allah sahajalah yang mengetahui segala yang ghaib maka dia (Allah) tidak mendedahkannya perkara ghaib itu kepada sesiapa pun melainkan kepada Rasul yang diredhainya.

عن أبي هريرة (رض) ان النبي (ص) يقول: من أتى كاهنا فصدقه فقد كفر بما أنزل على محمد

رواه ابو داود والحاكم وصححه

Sesiapa yang mendatangi كاهن (Kaahin) lalu mempercayai apa yang dikatakan oleh Kaahin itu maka sesungguhnya dia telah kufur dengan wahyu yang diturunkan oleh Allah kepada Nabi Muhammad s.a.w.

Ibnu Taymiyah menyebut bahawa al kaahin itu adalah ahli nujum atau tukang tenung atau tukang tilik untuk menceritakan tentang perkara-perkara ghaib kepada manusia di dalam kamus arab Al-Munjid disebut:

كهن كهانه تكهنا اى قضى له بالغيب وحدثه به والكاهن: من يقوم بأمر الرجل ويسعى فى حاجته

Yang bermaksud kaahin yang dimaksudkan dalam hadith di atas adalah orang yang sanggup menceritakan perkara-perkara ghaib yang ditanya oleh pengunjunnya dan seolah-olah mahu menolong menunaikan hajat seseorang melaluinya, termasuk menceritakan perihal masa hadapan dengan telahan dan tilikan tertentu.

Perlu dianjurkan kempen besar-besaran melalui media perdana, khutbah-khutbah di masjid, ceramah dan menulis melalui berbagai-bagai saluran menyeru orang ramai

untuk sedar tentang mudaratnya sihir ini terutamanya kepada akidah dan menasihatkan orang ramai dengan cara yang berkesan supaya mereka menjauhkan diri dari tukang-tukang sihir.

Selain itu, perlulah dimasukkan tajuk sihir ini dalam kurikulum pengetahuan agama Islam di sekolah rendah dan menengah malah sehingga ke peringkat pengajian tinggi bagi memantapkan kefahaman mereka seluruhnya tentang bahaya sihir, meminta kerjasama masyarakat melaporkan kepada pihak berkuasa agama bagi diambil tindakan ke atas pelaku-pelaku sihir.

PENCEGAHAN MELALUI UNDANG-UNDANG

Banyak perkara maksiat yang berlaku dalam masyarakat telah diwujudkan peruntukan undang-undang bagi menuduh dan membawa orang yang melakukannya kemuka pengadilan bagi tujuan pencegahan. Undang-undang yang ada peruntukkan dalam undang-undang Islam sekarang adalah seperti berkhalwat, meminum minuman yang memabukkan di khalayak ramai, mengajar ajaran sesat, memakan atau minum di khalayak ramai pada bulan Ramadhan, sumbang mahram, dan lain-lain.

Malangnya, kesalahan-kesalahan lain yang lebih besar dosanya daripada kesalahan-kesalahan yang disebutkan itu belum ada usaha untuk memperuntukkan undang-undang bagi menghukum pelaku- pelakunya dengan tujuan pencegahan. Antara yang perlu difikirkan segera adalah undang-undang mengenai kesalahan amalan sihir, baik tukang sihir ataupun yang bershubhah dengan tukang sihir itu seperti orang yang mendatangi tukang sihir dengan tujuan mendapatkan khidmat sihir daripadanya.

Perlulah ada peruntukan undang-undang yang dibolehkan oleh sistem undang-undang yang ada bagi tujuan menyedarkan masyarakat Islam amnya tentang bahaya sihir terutamanya dari segi aqidah. Sekiranya dibiarkan begini tanpa undang-undang maka suburlah amalan itu tanpa sebarang sekatan dan terdedahlah masyarakat Islam kepada terlibat dengan amalan sihir tanpa disedari.

Sebelum diwujudkan undang-undang itu, perlulah diberi pengajaran dan pemahaman kepada umat Islam tentang sihir ini dengan jelas agar jangan semata-mata difahami sihir itu sebagai amalan khusus yang tersembunyi dan diamalkan oleh orang tertentu yang dikenali sebagai ahli sihir. Kita mengenali ahli silap mata kerana dia

mengaku bahawa dia ahli silap mata. Akan tetapi, tidak semua ahli sihir mengaku sebagai ahli sihir. Janganlah kita fikir orang yang bergelar ahli sihir itu sahaja yang bersalah dari segi agama, sedangkan orang yang tidak bergelar ahli sihir itu tidak bersalah sedangkan dia juga mengamalkan perbuatan sihir. Maka pihak berwajib harus mengesan perbuatan sihir ini.

Pengamal sihir boleh dikesan dengan banyak cara, antaranya dengan menyamar sebagai pencari ilmu sihir untuk diamal atau boleh juga dengan berlakon sebagai pesakit atau penyelidik akademik dan sebagainya.

BAGAIMANA MENGENALI AHLI SIHIR

Banyak cara untuk pengenalan ahli sihir yang diambil dari petunjuk-petunjuk syariat, antaranya :

1. Pengakuannya bahawa dia mengamalkan sihir (ikrar)
2. Persahabatan manusia dengan jin (makhluk halus) seperti ada makhluk yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar membawa sesuatu kepadanya di hadapan mata yang melihat seperti membawa bunga atau herba atau senjata-senjata lama, batu permata dan sebagainya.
3. Terbukti bahawa seseorang itu **عراف**(Arraf) atau **كاهن** (Kaahin) atau **منجم** (Munajjim- Tukang nujum).
4. Ada peralatan yang sedang digunakannya (bukan disimpan) yang pada kebiasaannya digunakan oleh ahli-ahli sihir khususnya di Malaysia seperti perasap kemenyan dengan tengkorak manusia atau haiwan dengan jampi mantera yang tidak difahami maknanya.
5. Menggunakan alat-alat tertentu seperti pinggan-pinggan dan mangkuk lama khusus untuk menilik nasib atau untuk mengetahui sesuatu yang ghaib.
6. Menggunakan tangkal-tangkal azimat atau rajah-rajah sihir untuk dipakai atau digantung atau diletakkan di tempat-tempat tertentu.

7. Mengajar atau mengamalkan ilmu yang menghasilkan perkara-perkara ganjil yang menarik adat seperti ilmu kebal atau ilmu boleh melukakan (bedah penyakit) akan tetapi boleh disembuhkan segera tanpa kesan parut.
8. Dengan terbukti ada di dalam simpanan seseorang itu bahan-bahan bertulis yang boleh dibuktikan bahawa itu adalah amalan sihir yang diamalkannya atau diajarkannya kepada muridnya.
9. Menghina sesuatu yang suci dalam Islam seperti memijak Al-Quran atau menulis ayat-ayat Al-Quran dengan najis-najis tertentu atau menulis ayat Al-Quran dengan mengubahnya berbagai-bagai cara.
10. Memuja makhluk halus dengan menghidangkan jamuan tertentu kepadanya dan meminta tolong daripadanya dan lain-lain.

CADANGAN: TAKZIR KE ATAS PELAKU SIHIR

Dari situasi undang-undang yang ada sekarang, saya mencadangkan sekiranya boleh dijadikan undang-undang dan boleh disabitkan, maka hukuman keatas pelaku sihir ini adalah ta'zir.

Ta'zir adalah hukuman yang diserahkan kepada hakim untuk menjatuhkannya keatas pesalah atas budi bicaranya yang sesuai dengan kesalahan yang dilakukan. Antara hukuman yang boleh dibuat adalah :

- Buang daerah
- Dipenjarakan sekadar yang difikirkan patut.
- Disebat dengan sebatan syarak (bukan seperti sebatan di penjara-penjara sekarang) dengan kadar yang dibenarkan oleh undang-undang sedia ada.
- Dipastikan mereka mengikuti kursus-kursus pemulihan aqidah selepas menjalani hukuman.
- Dipantau dengan rapi agar mereka tidak mengulangi kesalahan seperti itu lagi.

PENUTUP

Sihir bukan sahaja diharamkan oleh agama Islam, malah agama lain seperti Yahudi dan Nasrani turut melarang perbuatan tersebut kerana ianya jelas tidak bermoral seperti memeras manusia, memaksa yang berhajat kepadanya membayar harga yang terlalu mahal hatta nyawa manusia menjadi taruhan sihir tersebut.

Kesan sihir kepada mangsanya amat kejam, terpaksa menanggung penderitaan yang amat berat sehingga tidak bertanggung malah ada yang menderita sepanjang hayatnya.

Oleh sebab itu Islam mencegahnya dengan memperuntukkan hukuman yang berat, setimpal dengan kesalahan yang dilakukan oleh ahli sihir tersebut. Dengannya masyarakat Islam awalan dan seterusnya yang menggunakan peruntukan itu telah dapat membendung penyakit masyarakat itu daripada menular. Kini hukuman ke atas ahli sihir tidak dilaksanakan. Pendidikan keagamaan yang mendedahkan keburukan sihir tidak dilakukan secukupnya, maka tidak hairan fenomena sihir ini berleluasa. Oleh sebab itu perlu ada arahan pencegahan dengan menyebarkan keburukan sihir yang merosakkan aqidah seseorang diikuti dengan penguasaan undang-undang yang boleh menolong membendung amalan sihir ini.

Mungkin ada yang merasakan undang-undang ini tidak praktikal kerana sukar membuktikan sehingga ke peringkat yang tidak diragukan sehingga membolehkan hukuman dijatuhkan. Oleh sebab itu saya tidak mencadangkan kesalahan ini diletakkan di bawah hudud yang memerlukan pembuktian tanpa sebarang syubhah. Dalam pembuktian kes hudud, jika ada sedikit sahaja syubhah maka kes itu mesti dibebaskan berdasarkan hadith Rasulullah s.a.w yang menyuruh hakim melepaskan tuduhan hudud jika ada syubhah.

Bagi kes-kes ta'zir, pembuktian adalah lebih ringan dan mudah. Dengan bukti-bukti langsung atau tidak langsung seperti menggunakan kaedah القرينه (Al Qareenah) dan bukti sampingan lain, pendakwa mampu membuktikan kesalahan sihir, yang diberi peruntukan TAKZIR.

Yang baik dari Allah dan yang serba kekurangan adalah dari saya. Semoga dirahmati dan di restui Allah hendaknya.

والله اعلم بالصواب

هارون بن دين

BENTUK-BENTUK SIHIR PENGASIH DAN METODOLOGI DIAGNOSIS

OLEH
HANAFI RAHMAN EL FESFANJI
ULUL ALBAB MANAGEMENT SERVICES

Sabda Rasulullah SAW: ¹

اجتنبوا السبع الموبقات قالوا يا رسول الله وما هن قال الشرك بالله والسحر وقتل النفس التي حرم الله
إلا بالحق وأكل الربا وأكل مال اليتيم والتولي يوم الزحف وقذف المحصنات المؤمنات الغافلات –
متفق عليه

Yang bermaksud: jauhilah tujuh dosa besar lalu para sahabat bertanya apakah itu (tujuh dosa besar itu) Sabda Rasulullah SAW: 1) syirik 2) sihir, membunuh jiwa(manusia) yang di muliakan Allah melainkan dengan cara yang di izinkan(dengan sebenarnya), makan riba, makan harta anak yatim, berpaling undur ke belakang hari bertemu musuh(berperang Fi sabilillah) membuat tuduhan kepada perempuan-perempuan yang baik dan tidak pernah berniat untuk melakukan kerja sumbang

PENGERTIAN SIHIR

¹ Lihat Riyadhus Solihin Imam Nawawi-lihat Bab 48 Fath al Bari V 10 m/s 284 Darul Kutub Al ilmiyya - Beirut

Sihir bermaksud pukulan halus yang di lakukan ke atas seorang musuh dengan menggunakan perantaraan jin yang mana perbuatan itu mempunyai bacaan tertentu menggunakan bahan tertentu yang di larang oleh Islam bertujuan untuk mencapai kehendak hati yang angkuh dan ego . ianya bererti samada di sedari atau tidak, samada secara sengaja atau tidak melibatkan penggunaan Syaitan pada salah satu dari tiga perkara iaitu:

- i) cara,
- ii) bahan atau
- iii) bacaan.

Untuk memahami dengan cara yang lebih detail, marilah kita mengambil contoh dalam sihir pengasih:

CONTOH-CONTOH SIHIR PENGASIH

1) Cara yang menyalahi syarak seperti:

- i) Memberi minum air basuhan kemaluan isteri kepada suami
- ii) Memberi minum air rendaman seluar dalam isteri kepada suami
- iv) Meludah dalam air rebusan yang akan di hidangkan kepada suami samada air itu air yang kosong bersih atau air yang di campurkan dengan bahan-bahan sihir yang membawa symbol lemah dan mengalah seperti kemuncup, semalu, kuku bangkai merpati
- v) Menggunakan bahan-bahan yang najis sebagai alat yang di gunakan seperti bangkai merpati yang mati beragam(mati sendiri tanpa di bunuh)
- vi) Sihir yang melibatkan penggunaan bahan-bahan yang di curi seperti di bacakan pada garam atau lada hitam yang di curi, sekalipun di bacaakan ayat quran semasa melakukannya.

Sebab haramnya ialah kerana kesemua perbuatan-perbuatan di atas adalah keji. Allah SWT berfirman: ²

□ الَّذِينَ يَتَّبِعُونَ الرَّسُولَ النَّبِيَّ الْأُمِّيَّ الَّذِي يَجِدُونَهُ مَكْتُوبًا عِنْدَهُمْ فِي التَّوْرَةِ
وَإِنْجِيلٍ يَأْمُرُهُمْ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَاهُمْ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُحِلُّ لَهُمُ الطَّيِّبَاتِ وَيُحَرِّمُ عَلَيْهِمُ
الْخَبَائِثَ وَيَضَعُ عَنْهُمْ إِصْرَهُمْ وَالْأَغْلَالَ الَّتِي كَانَتْ عَلَيْهِمْ ۗ فَالَّذِينَ ءَامَنُوا بِهِ
وَعَزَّزُوهُ وَنَصَرُوهُ وَاتَّبَعُوا النُّورَ الَّذِي أُنزِلَ مَعَهُ ۗ أُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٥٧﴾

(yaitu) orang-orang yang mengikut rasul, nabi yang ummi yang (namanya) mereka dapati tertulis di dalam Taurat dan Injil yang ada di sisi mereka, yang menyuruh mereka mengerjakan yang ma'ruf dan melarang mereka dari mengerjakan yang mungkar dan menghalalkan bagi mereka segala yang baik dan mengharamkan bagi mereka segala yang buruk dan membuang dari mereka beban-beban dan belenggu-belenggu yang ada pada mereka. Maka orang-orang yang beriman kepadanya, memuliakannya, menolongnya dan mengikuti cahaya yang terang yang diturunkan kepadanya (Al Quran), mereka Itulah orang-orang yang beruntung.(157)

Dalam menghuraikan ayat di atas, ulama menjelaskan bahawa kekejian itu adalah di larang. Maka ia membawa kepada haram.

² Surah Al A`raff ayat 157

b) Jampi pengasih yang menyalahi syarak

Menjampikan jampi-jampi serapah pada gambar, pakaian, sisa atau apa-apa yang berkait atau yang menjadi barangan hak milik suami sehingga jampi itu di katakana menguasai semangat suami, pada waktu di mana semangatnya telah di belenggu, ia tidak bebas menggunakan akal fikirannya sendiri atau bertindak dengan aturannya yang betul lagi.

Firman Allah SWT menceritakan tentang kekuatan sihir tukang-tukang sihir Firaun yang mampu menguasai pandangan mata dan fikiran: ³

قَالَ بَلْ أَلْقُوا^ط فَإِذَا حِبَاهُمْ وَعَصِيهِمْ تُخِيلُ إِلَيْهِ مِنْ سِحْرِهِمْ أَنَّهُ تَسَعَى^{١١}

Berkata Musa: "Silahkan kamu sekalian melemparkan". Maka tiba-tiba tali-tali dan tongkat-tongkat mereka, terbayang kepada Musa seakan-akan ia merayap cepat, lantaran sihir mereka.(66)

Sabda Rasulullah SAW:

C) Cara dan tujuan yang menyalahi syarak

i) Membacakan jampi-jampi tertentu atau juga ayat-ayat tertentu dalam dengan tujuan supaya suaminya tunduk patuh kepada kehendak nafsunya

³ Surah Taha 66

dan patuh kepada segala perintah dan tunjuk ajarnya, tidak membantah cakap dan suruhnya padahal Allah SWT telah memberikan amanah yang membezakan kepada si suami dengan firmanNya: ⁴

الرِّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ وَبِمَا أَنْفَقُوا مِنْ

أَمْوَالِهِمْ ۗ فَالصَّالِحَاتُ قَنِتَاتٌ حَافِظَاتٌ لِّلْغَيْبِ بِمَا حَفِظَ اللَّهُ ۗ وَالَّتِي تَخَافُونَ

نُشُوزَهُنَّ فَعِظُوهُنَّ ۖ وَاهْجُرُوهُنَّ فِي الْمَضَاجِعِ وَاصْرَبُوهُنَّ ۗ فَإِنِ اطَّعْتِكُمْ فَلَا

تَبْغُوا عَلَيْهِنَّ سَبِيلًا ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا كَبِيرًا ﴿٣٤﴾

34. *Kaum laki-laki itu adalah pemimpin bagi kaum wanita, oleh Karena Allah Telah melebihkan sebahagian mereka (laki-laki) atas sebahagian yang lain (wanita), dan Karena mereka (laki-laki) Telah menafkahkan sebagian dari harta mereka. sebab itu Maka wanita yang saleh, ialah yang taat kepada Allah lagi memelihara diri ketika suaminya tidak ada, oleh Karena Allah Telah memelihara (mereka). wanita-wanita yang kamu khawatirkan nusyuznya, Maka nasehatilah mereka dan pisahkanlah mereka di tempat tidur mereka, dan pukullah mereka. Kemudian jika mereka mentaatimu, Maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkannya. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi lagi Maha besar.*

⁴ Surah al Nisa ayat 34

ii) Membacakan jampi-jampi agar suaminya tidak mengahwini perempuan lain padahal Islam mengizinkan poligami. Firman Allah SWT: ⁵

وَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تُقْسِطُوا فِي الْيَتَامَىٰ فَانكِحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِنَ النِّسَاءِ مَثْنَىٰ وَثُلَاثَ وَرُبْعًا ^ط

فَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تَعْدِلُوا فَوَاحِدَةً أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ ذَٰلِكَ أَدْنَىٰ أَلَّا تَعُولُوا ﴿٢٦٥﴾

Dan jika kamu takut tidak akan dapat berlaku adil terhadap (hak-hak) perempuan yang yatim (bilamana kamu mengawininya), Maka kawinilah wanita-wanita (lain) yang kamu senangi : dua, tiga atau empat. Kemudian jika kamu takut tidak akan dapat berlaku adil[265], Maka (kawinilah) seorang saja[266], atau budak-budak yang kamu miliki. yang demikian itu adalah lebih dekat kepada tidak berbuat aniaya.

Hal ini menjadi kelaziman kepada isteri yang di madukan. Hujah mereka dalam menyihirkan suaminya dengan sihir pengasih ini adalah bahawa niatnya adalah amat baik iaitu supaya rumah tangganya kukuh, anak-anak terdidik dengan sempurna , maka itulah keegoan yang bertunjangkan kepada nafsu kerana kelakuannya itu akan memperbodohkan suaminya dan mudharatkannya. Dalam erti kata yang lain, isterinya telah melakukan kezaliman pada suaminya. Suaminya menjadi mangsa kezaliman isterinya pula. Keegoan ini akan menyebabkan dirinya tidak mencari lagi kesalahan dirinya yang sepatutnya perlu di baiknya sendiri.

iii) Pukau duit dengan ayat quran

⁵ Surah al Nisa ayat 3

iv) menodai isteri orang dengan bacaan ayat quran di jadikan ayat pukau
v) Suami mengunci keinginan isterinya supaya isterinya tidak berkahwini lelaki lain selepas kematiannya.muka isterinya yang cantik dan licin itu akan ditumbuhi bintik-bintik hitam selepas kematian suaminya. Padahal islam mengizinkan seseorang isteri itu berkahwin dengan mana-mana lelaki yang baik selepas habis eddahnya.

vi) Suami yang suka berlayar melakukan kezaliman ke atas isterinya dengan cara mengunci nafsu isterinya dengan anggapan halal baginya untuk melupai hak isterinya yang wajib ia sempurnakan

vi) melakukan sihir dengan menggunakan barang-barang masjid seperti tali tikar sejadah masjid iaitu harta waqaf di gunakan untuk tujuan sendiri.

Dalam hubungan rumah tangga, konsep Islam adalah berasaskan kepada konsep keadilan. Keadilan pada konsep syariat ertinya meletakkan sesuatu itu betul kena pada tempatnya yang sebenarnya. Keadilan adalah membela orang yang di zalimi iaitulah suaminya yang menjadi mangsa sihirnya sendiri.keadilan bukanlah bererti melindungi nafsu isteri yang menjadi pelaku sihir ke atas suami yang pandai menyusun kata-kata manis untuk menghalang suaminya berpoligami.

SEBAB SUAMI MELAKUKAN SIHIR TERHADAP ISTERI

- a) supaya isterinya tunduk kepada kejahatan yang ingin di lakukannya seperti supaya si isteri tidak menghalang si suami berzina.
- b) Supaya suaminya dapat mengabaikan tanggung jawabnya sebagai suami di mana isteri tidak memperolehi haknya secara sebenarnya.
- c)

SEBAB-SEBAB ISTERI MELAKUKAN SIHIR PENGASIH KEPADA SUAMI

- a) suami terlampau sangat, kasar dan bengis sehingga memukul-mukul isteri membabi-butu
- b) tidak mahu suami berkahwin lain
- c) bagi suami yang berpoligami pula, isteri-isteri yang mengamalkan ilmu ini adalah isteri-isteri yang ingin menang dalam perebutan dengan madu-madu yang lain. Isteri-isteri ini juga mahukan anak-anak mereka di lebihkan mengatasi anak-anak tiri mereka.
- d) ingin menguasai suami supaya suaminya memenuhi semua kehendak dan keinginannya memperolehi kekayaan
- e) Ingin kekal melakukan kejahatan seperti berzina dengan lelaki lain, bermain kayu tiga

Sebab-sebab di atas ini timbul akibat perasaan angkuh, sombong dan takbur yang tinggi yang sememangnya penggeraknya adalah syaitan. Dari sebab-sebab ini, maka timbullah perasaan geram, cemburu, dendam yang di dorongi oleh syaitan. Mungkin terpengaruh dengan cakap kawan-kawan, dorongan dari diri sendiri di sebabkan oleh saka

Pada masa ia pergi memohon pertolongan orang-orang tertentu yang termasuklah sesetengahnya di panggil ustaz juga, tanpa ia tahu atau sedar bahawa keinginannya yang ego itu telah bertentangan dengan ketetapan syarak. Yakin ia bahawa upacara yang sedang di lakukannya itu akan dapat di capai dan berjaya.lantaran itulah ia sanggup mengeluarkan duit asalkan hasratnya tercapai. Ini ada kaitannya dengan aqidah.

Sekiranya ia mengetahui dari awal lagi bahawa itu adalah karut, hanyalah semata-mata membazirkan duitnya, adakah ia akan melakukannya??

DIAGNOSIS

Sejumlah tertentu fikiran, perasaan atau tindak tanduk mangsa-mangsa sihir atau saka akan berada di luar kawalan normalnya yang lazim di fahami dalam masyarakat. Ertinya bukanlah semua perasaan atau tindak tanduknya akan berada di luar kawalannya. Umpamanya sihir penunduk ini tidak akan menghalang seseorang mencapai prestasi yang baik dalam kerjayanya atau dalam masyarakatnya. Itulah sebabnya kita mendapati kedapatan juga bos-bos besar, taukeh-taukeh dan pengarah-pengarah yang garang memberikan arahan itu dan ini di pejabatnya apabila berada di rumahnya menjadi menikus di hadapan isterinya. Sebahagian kes-kes seperti ini adalah merujuk kepada sihir tetapi bukanlah 100% kerana ada lagi pula kemungkinan-kemungkinan lain.

Perasaan sakit, pedih, bisa-bisa dan menyocuk-nyucuk di rasai oleh mangsa sihir dan saka secara rutin dan tidak rutin. Ini adalah kerana wayar –wayar dalam badan yang di jentik-jentik syaitan menmpengaruhi minda sehingga mangsa merasai kesakitan-kesakitan tertentu pada bahagian-bahagian tertentu badan.

Jari-jari kaki mangsa akan sentiasa berada dalam rasa seolah-olah di belunggu tali atau tajam berduri lebih-lebih lagi setelah beberapa lama berjalan di luar rumah.

Sentiasa merasai ada pergerakan-pergerakan halus luar kawalan di bahagian-bahagian dalam tulang punggung

Tenaga kelelakian juga menjadi lemah melainkan setelah agak lama di belai-belai oleh tangan isteri.

Di antara contoh masaalah yang biasa terjadi semasa bersama ialah:

- 1) kemaluan lelaki lembek tidak berfungsi,
- 2) pintu kemaluan isterinya tertutup rapat bagaikan di kunci,
- 3) pancutan berlaku terlalu awal di luar faraj perempuan
- 4) Salah seorang dari mereka atau mungkin juga kedua-duanya merasa pedih dan sakit pada sendi-sendi ataupun pinggang atau bahagian lain badannya.
- 5) Apabila berlaku pergeselan antara dua kemaluan suami isteri itu, satu bunyi yang berdecap-decap kedengaran dan ini menyakitkan perempuan atau menimbulkan kemarahan lelaki.
- 6) Pancutan yang masuk ke dalam pintu kemaluan perempuan keluar balik dari dalam kemaluan sehingga menyebabkan percantuman benih tidak berlaku.

Sentiasa lenguh pada bahagian pinggang

Kerap sakit kepala terutamanya bahagian tengah titik di mana tempatnya perempuan suka sanggulkan rambutnya.

Yang paling jelas sekali ialkah bilamana di bacakan ayat-ayat pembatal sihir, badan memberikan respon yang menunjukkan sepolah-olah ia membantah bacaan ayat-ayat suci tersebut.

Tidur sentiasa bermimpi perkara yang berkait dengan kemaluannya.

umpamanya :

- a) ia bermimpi berkelahi dengan seseorang manusia atau sekumpulan manusia yang tidak di kenalnya. Tiba-tiba musuhnya ia memegang atau memegang kemaluannya. Bilamana kemaluannya di pegang, ia terus menjadi kaku bagaikan di pukau. Ia tidak mampu menentang lagi musuh itu laksana terkunci. Kemudian ia terkejut dari tidur. Menurut perawat yang mahir, kuat atau tidaknya belunggu sihir penunduk tersebut adalah bergantung kepada cengkaman yang di rasainya itu. Kalau di rasakan cengkaman itu kuat, ertinya kuatlah cengkaman tersebut. Demikianlah sebaliknya sekiranya ia dapat menepis cengkaman yang melekat di zakar atau belurnya, maka itu bererti penunduk tersebut sudah lemah.
- b) Ia bermimpi seekor belalang yang besarnya lebih besar dari belalang biasa terbang masuk ke dalam rumahnya, belalang itu hinggap pada kemaluannya dan memakan kemaluannya. ia tidak dapat menghalau belalang tersebut walaupun ia kesakitan kerana kemaluannya telah di

- makan belalang tersebut. Kadang-kadang terdapat juga orang yang bermimpikan lipas yang datang merayap dan memakan kemaluannya.
- c) Ia bermimpi kemaluannya bertukar menjadi batu yang keras pejal atau menjadi daun kering yang tidak berguna apa-apa.
 - d) Ia bermimpi rumahnya di makan anai-anai atau di serang oleh serangga-serangga yang banyak dan menakutkannya

KESAN BURUK SIHIR PENUNDUK DAN SAKA SIHIR PENUNDUK

Suami tidak mampu memarahi isterinya secara berhadapan walaupun ia tahu perbuatan isterinya itu amat salah samada dari sudut agama, perundangan, akal, masyarakat dan adat.

Di masa-masa tertentu, suami merasa amat marah terhadap isterinya bila berada di luar rumah tetapi bilamana ia sampai di rumahnya, setelah melihat muka isterinya dan berdiri di hadapan isterinya, ia menjadi lemah, bukan sahaja tidak mampu lagi memarahi isterinya secara langsung pada masa itu, bahkan pada waktu-waktu yang lain, ia tetap tidak terkeluar dari mulutnya kata-kata untuk menasihati isterinya secara baik supaya isterinya itu memperbetulkan tingkah-laku dan perbuatannya yang salah itu.

Suami ini juga akan mematuhi arahan isterinya walaupun untuk melakukan kerja-kerja berat pada waktu yang ia tersangat letih. Tanpa membantah dan bertangguh, ia akur seolah-olah sifat keegoannya itu telah di ikat dan di bekukan sehingga tidak boleh bernyala lagi dalam apa keadaan sekali pun untuk membakar perintah-perintah isterinya itu.

BAGAIMANAKAH SIHIR PENGASIH BERPERANAN TERHADAP MANGSA

Untuk memahami bagaimana sihir mempengaruhi pikiran dan tindak-tanduk manusia, marilah kita memahami keterangan dari sabda Rasulullah SAW:

الشيطان يجرى مجرى الدم

Syaitan berlari(mengalir) bersama-sama pengaliran darah

Hadist di atas menerangkan kepada kita bahawa wujudnya hubungan secara langsung antara syaitan dan darah. Syaitan bergerak di dalam darah dan darah tersebut bergerak keseluruh badan manusia, seterusnya ia dapat mempengaruhi tandak-tanduk manusia.

Perkataan ????? dalam kaedah penggunaan bahasa Arab ialah bermaksud laluan. Dalam erti kata yang lain, bolehlah kita ibaratkan syaitan itu seperti kenderaan di highway tersebut. Ia memenuhi jalan raya dan mempengaruhi jalan raya. Jalan raya ini tentulah pula menjadi suatu yang boleh mempengaruhi persekitarannya.

Masuknya dalam bentuk ghaib sudah tentulah sukar di kaji secara moden sebagaimana wujudnya ruh, kehidupan sesudah mati dan lain-lain persoalan ghaib tidak mudah di proofkan secara moden. Tetapi badan yang telah di pengaruhi oleh syaitan itu tentulah akan mempengaruhi dan mengubah tindak tanduk manusia tersebut dari kelazimannya.

Contohnya:

Apabila A melakukan sesuatu sihir terhadap B. artinya a menggunakan bahan-bahan tertentu, melalui cara-cara tertentu bertujuan menguasai B secara halus dan tanpa di sedari oleh B. ia melakukannya beserta dengan bacaan-bacaan tertentu dengan niat yang buruk dan jahat terhadap B.

Syaitan yang sifat asalnya tidak dapat di lihat oleh pancaindera kita ini, berdasarkan hadist ini adalah masuk ke dalam badan manusia melalui cara atau bacaan tertentu. maka dengan jampi-jampi yang di ungkapkan oleh A, maka terbukalah jalan untuk syaitan masuk ke dalam badan B yang lemah dan tidak padu di isi dengan zikrullah itu. pada peringkat awalnya, B tidak menyedari tetapi kawalan luar yang menguasai dirinya. Walaupun orang ramai tidak dapat melihat wujudnya kawalan luar dalam dirinya tetapi Ia tidak dapat melakukan kehendak dan keinginannya yang biasa di lakukannya .

BAGAIMANA PERKARA-PERKARA INI DI SINGKAPKAN

Dalam konteks mistik dan paranormal pula, penyakit-penyakit ini dapat di kesan dengan bacaan ayat-ayat tertentu . beberapa cara yang di istilah dengan pelbagai sebutan seperti:

1) carca-bacaan-bacaan tertentu di bacakan oleh mangsa pada waktu tertentu dengan di niatkan---sekiranya benar suspected adalah penyihir, maka ia akan terkesan dengan amalan tersebut.

2) Singkap pada bahagian yang di sebut dalam istilah perubatan sebagai baitul maqdis iaitulah bahagian tengah kepala-akolomotor terkumpul satu kekuatan yang boleh memancarkan gambaran-gambaran sejarah sihir pada screen rawang.

3) Imej yang muncul pada kamera poroloid dan kamera digital juga boleh memaparkan wujudnya gangguan luar ini.

Sceen atau di sebut juga oleh sesetengah orang sebagai membuka pintu batin atau menyingkap rahsia atau macam-macam istilah lagi yangdi sebut di kalangan ahli-ahli zikir dapat membantu mengesan penyakit-penyakit yang bersifat spiritual atau mistik dan paranormal itu.

KEDUDUKAN SIHIR PADA PANDANGAN ISLAM

Sebagaimana yang telah di terangkan di atas bahawa sihir adalah satu dosa besar. Sabda Rasulullah SAW: ⁶

⁶ Lihat Riyadhus Solihin Imam Nawawi-lihat Bab 48 Fath al Bari V 10 m/s 284 Darul Kutub Al ilmiyya - Beirut

اجتنبوا السبع الموبقات قالوا يا رسول الله وما هن قال الشرك بالله والسحر وقتل النفس التي حرم الله
إلا بالحق وأكل الربا وأكل مال اليتيم والتولي يوم الزحف وقذف المحصنات المؤمنات الغافلات –
متفق عليه

Yang bermaksud: jauhilah tujuh dosa besar lalu para sahabat bertanya apakah itu (tujuh dosa besar itu) Sabda Rasulullah SAW: 1) syirik 2) sihir, membunuh jiwa(manusia) yang di muliakan Allah melainkan dengan cara yang di izinkan(dengan sebenarnya), makan riba, makan harta anak yatim, berpaling undur ke belakang hari bertemu musuh(berperang Fi sabilillah) membuat tuduhan kepada perempuan-perempuan yang baik dan tidak pernah berniat untuk melakukan kerja sumbang

Sesetengah ulama menyenaraikannya sebagai sebahagian dari dosa syirik .
tempat jatuhnya syirik ialah sepertimana yang di nyatakan oleh Allah SWT:⁷

وَلَقَدْ أُوحِيَ إِلَيْكَ وَإِلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكَ لَئِنْ أَشْرَكَتَ لَيَحْبَطَنَّ عَمَلُكَ وَلَتَكُونَنَّ مِنَ

الْخٰسِرِينَ ﴿٦٥﴾

65. *Dan Sesungguhnya Telah diwahyukan kepadamu dan kepada (nabi-nabi) yang sebelummu. "Jika kamu mempersekutukan (Tuhan), niscaya akan hapuslah amalmu dan tentulah kamu termasuk orang-orang yang merugi.*

KEDUDUKAN SUAMI ISTERI YANG MELAKUKAN SIHIR PADA
PANDANGAN FEQH ISLAM

⁷ Surah Az Zumar ayat 65

Sekiranya salah seorang dari suami isteri pula telah terjebak kerja-kerja sihir pengasih, bererti ia telah melakukan dosa besar dan perlulah bertaubat kepada Allah SWT

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا تُوبُوا إِلَى اللَّهِ تَوْبَةً نَّصُوحًا عَسَىٰ رَبُّكُمْ أَن يُكَفِّرَ عَنْكُمْ سَيِّئَاتِكُمْ

وَيُدْخِلَكُم جَنَّاتٍ تَجْرِي مِن تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ يَوْمَ لَا يُخْزِي اللَّهُ النَّبِيَّ وَالَّذِينَ ءَامَنُوا مَعَهُ

نُورُهُمْ يَسْعَىٰ بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَبِأَيْمَانِهِمْ يَقُولُونَ رَبَّنَا أَتِمِّمْ لَنَا نُورَنَا وَآغْفِرْ لَنَا إِنَّكَ عَلَىٰ

كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٨﴾

8. *Hai orang-orang yang beriman, bertaubatlah kepada Allah dengan taubatan nasuhaa (taubat yang semurni-murninya). Mudah-mudahan Rabbmu akan menutupi kesalahan-kesalahanmu dan memasukkanmu ke dalam jannah yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, pada hari ketika Allah tidak menghinakan nabi dan orang-orang mukmin yang bersama Dia; sedang cahaya mereka memancar di hadapan dan di sebelah kanan mereka, sambil mereka mengatakan: "Ya Rabb kami, sempurnakanlah bagi kami cahaya kami dan ampunilah Kami; Sesungguhnya Engkau Maha Kuasa atas segala sesuatu.*

"

Sekiranya ia tidak mahu bertawbat, mereka hendaklah di pisahkan.

PENUTUP

Semoga perbincangan ini di manfaatkan agar kegiatan sibir yang berlaku dalam masyarakat kita dapat di bersihkan.

والله الموفق بالصواب وهو يهديننا إلى سبيل الرشاد